

PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP HUKUMAN SEBATAN SYARIE DI TEMPAT TERBUKA: KAJIAN SOAL SELIDIK DI NEGERI KELANTAN

Oleh:
Mohd Azhar b. Abdullah¹

Abstrak

Kerajaan Negeri Kelantan menzahirkan hasrat untuk melaksanakan hukuman sebatan syarie bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah di tempat yang terbuka dengan mengambil beberapa langkah persiapan bagi merealisasikan tujuan tersebut. Namun, sudah lebih 30 tahun hukuman sebatan syarie yang dilaksanakan di dalam penjara yang tidak dipertontonkan kepada awam akan menimbulkan banyak persoalan, terutama sejauh mana pro dan kontra penerimaan masyarakat di negeri Kelantan. Dapatkan kajian ini akan membantu Kerajaan Negeri Kelantan dan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan dalam usaha memperkasa pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di negeri Kelantan.

Kata kunci: *Hukuman sebatan syarie, kesalahan jenayah Syariah, Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.*

PENDAHULUAN

Hukuman sebat disyariatkan secara *qatie* ke atas tiga kesalahan hudud, iaitu kesalahan zina, kesalahan *qażaf* dan kesalahan arak.² Manakala kesalahan-kesalahan di bawah bidang takzir adalah bergantung kepada ketetapan pemerintah seperti kesalahan rogol, pondan dan tidak berpuasa pada bulan Ramadan.³

¹ Mohd Azhar b. Abdullah (Ph.D), pensyarah Jabatan Al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

² Lihat: al-Quran, Surah al-Nur (24):2 bagi hukuman zina, Surah al-Nur (24):4 bagi hukuman *qażaf* dan *Saḥīḥ al-Bukhārī*, no. h. 6391 berkaitan hukuman minum arak.

³ ‘Abd al-Qādir ‘Awdaḥ, *al-Tashrī’ al-Jinā’i al-Islāmī Muqararan bi al-Qānūn al-Waḍ’ī*, j. 2, al-Qāhirah: Dār al-Fikr, h. 56 dan Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, j. , al-Qāhirah: al-Fath li al-‘Ālam al-‘Arabi, h. 64-65.

Objektif hukuman sebat dalam Islam bukan sekadar menumpukan pemulihan, pembalasan dan pencegahan kepada pesalah sahaja, tetapi turut menginsafkan dan mencegah masyarakat daripada terjebak dalam jenayah secara bersepada.⁴ Hal yang demikian, Islam mensyariatkan sebatan syarie⁵ dilaksanakan di tempat yang boleh disaksikan oleh sekumpulan manusia tertentu.⁶ Prof. Dr. Anwarullah menyebut:

The punishment of zina liable to hadd whether whipping strokes or rajm should be executed publicly so as to be deterrent.⁷

Selaras dengan tuntutan hukuman sebatan syarie tersebut, mahkamah Syariah di Malaysia telah diberikan kuasa untuk melaksanakannya selepas 27 tahun kemerdekaan melalui Akta 355, Mahkamah Syariah Malaysia (Bidang Kuasa Jenayah) Pindaan 1984, yang memperuntukkan jumlah sebatan tidak melebihi enam (6) sebatan sahaja ke atas kesalahan-kesalahan yang disifatkan sebagai pelanggaran ke atas rukun agama Islam.⁸

Namun, hukuman sebatan syarie agak asing bagi sebahagian besar masyarakat kerana amalan sebatan syarie dilaksanakan di dalam penjara yang disaksikan oleh individu berkenaan sahaja,⁹ sedangkan mahkamah

⁴ Dalam sistem undang-undang sivil terkenal dengan teori Deteren, iaitu tujuan hukuman ialah menyelamatkan manusia. Ada dua cara iaitu mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahannya dengan mengenakan hukuman yang berat dan menjadikannya contoh kepada orang lain yang mungkin akan melakukan kesalahan yang sama. Lihat: Mohd Maharudin Harun (1990), “Hukuman Mengikut Undang-Undang Sivil” dalam: Prof. Ahmad Ibrahim, *al-Ahkam*, Jilid, 2, Undang-Undang Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 78.

⁵ Selepas ini disebut “sebatan Syarie” bagi hukuman sebat yang diamalkan oleh Mahkamah Syariah dan membezakan dengan hukuman sebat dalam undang-undang sivil di Malaysia.

⁶ Abu Bakar Abdullah (1986), Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya, Kuala Terengganu: Pustaka Damai, h. 200 dan 208 dan Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah al-Kuwaytiyyah (1427H), *Mawsū’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, j. 24, c. 2, al-Maktabah al-Shāmilah, h. 44.

⁷ Prof. Dr. Anwarullah (2002), *The Criminal Law Of Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar, h. 143.

⁸ Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Seksyen 2, Akta 355.

⁹ Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat, Kelantan 1987 menyebut “pelaksanaan sebat hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurang empat orang lelaki Islam”. Kelaziman bagi Mahkamah Syariah Kelantan akan disaksikan oleh seorang hakim mahkamah syariah, pegawai penguatkuasa syariah. Temuramah bersama Y.Bhg. Mohd Hafiz b. Daud, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Negeri Kelantan pada 17 Oktober 2019, jam 8.54 pagi di Pejabat Ketua Pendaftar Syariah Negeri Kelantan, Kompleks Mahkamah Syariah, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan.

Syariah dan pihak kerajaan negeri diberikan kuasa untuk melaksanakan hukuman sebatan syarie di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh mahkamah Syariah atau kerajaan negeri seperti di perkarangan masjid atau pasar, bukan terhad di dalam penjara sahaja.

Setakat kajian ini dijalankan, hanya Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau, Sabah yang menjalankan hukuman sebatan syarie tidak di dalam penjara, tetapi di dalam Dewan Mahkamah Syariah dan Dewan Mahkamah Sivil, Tawau, Sabah bermula pada tahun 2016.¹⁰

RASIONAL KAJIAN DI NEGERI KELANTAN

Mahkamah Syariah di Malaysia, khususnya negeri Kelantan dilihat lebih ke depan dalam isu pemerkasaan undang-undang jenayah syariah melalui pengubalan Kanun Jenayah Syariah II, (1993) 2015 yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan hudud dan qisas serta hukumannya. Dalam kanun tersebut, hukuman sebatan syarie adalah suatu kewajiban bagi empat jenayah hudud, iaitu zina *ghayr muḥṣan, qaẓaf, liwāt* dan *shrub*.¹¹

Cabaran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan menjadi lebih besar berikutan hukuman sebatan syarie sebanyak enam sebatan yang sedia ada bagi kesalahan jenayah syariah bagi zina, mukadimah zina, liwat dan minuman yang memabukkan yang diperuntukkan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah, 1985 belum lagi dilaksanakan di tempat terbuka, inikan pula ditambah dengan empat lagi kesalahan hudud dalam Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 yang mencapai bilangan maksimum satu ratus sebatan.¹² Justeru, menjadi persoalan besar sejauh mana komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dan kesediaan masyarakat menerima sebatan syarie jika dilaksanakan di tempat awam.

Sebelum itu, Kerajaan negeri Kelantan telah memberikan isyarat yang jelas dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Mac 2016

¹⁰ Temuramah bersama Y.A. Ahadin b. Arinen, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tawau Sabah, 17 Oktober 2017, jam 9.30 malam, ruang café Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu, Sabah.

¹¹ Rujuk Kanun tersebut: *Zina* (Seksyen 13), *Liwāt* (Seksyen 15), *Qaẓaf* (Seksyen 18) dan *Shurb* (Seksyen 22). Semua kesalahan hudud dan qisas dalam Kanun ini dikekalkan dengan istilah Arab. Tujuannya antara lain, membezakan antara jenayah sivil dan syariah daripada sudut istilah, contohnya rompak dengan *ḥirābah*, curi dengan *sariqah*, arak dengan *shurb*.

¹² Enakmen ini tidak dapat dikuatkuasakan hingga kini kerana sekatan Akta 355.

untuk mengkaji secara komprehensif pelaksanaan hukuman sebatan terhadap kesalahan syariah di negeri Kelantan secara terbuka di perkarangan masjid pada hari Jumaat sebagai langkah menangani jenayah yang semakin meningkat.¹³

Y.B. Ustaz Dato' Haji Mohd Amar b. Abdullah, Pengurus Jawatankuasa Teknikal Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan menyarankan satu kajian sejauh mana kesediaan masyarakat untuk menerima pelaksanaan tersebut kerana dibimbangi akan menimbulkan salah faham terhadap mahkamah Syariah dan Kerajaan Negeri Kelantan.¹⁴

PELAKSANAAN SEBATAN SYARIE DI NEGERI KELANTAN

Penurunan bidangkuasa Akta 355 kepada mahkamah Syariah sangat penting untuk pemerkasaan mahkamah Syariah disebabkan hukuman syariah tidak dapat lari daripada hukuman sebat. Negeri Kelantan adalah di antara negeri yang terawal di Malaysia mengubal dan meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, No.2/1985 (selepas ini disebut EKJSK 1985) dengan memperuntukkan hukuman sebatan syarie tidak melebihi enam rotan. Daripada dua puluh enam kesalahan dalam EKJSK 1985, hanya empat kesalahan di bawah yang diperuntukkan hukuman sebatan:

Jadual 1: Empat Kesalahan Yang Diperuntukkan Hukuman Sebatan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, No.2/1985 (EKJSK 1985).

Bil.	Kesalahan	Seksyen	Sebatan	Status
1	Zina	11	6 sebatan	Mandotari
2	Liwat	14	6 sebatan	Mandotari
3	Minuman Yang Memabukkan	25	6 sebatan	Mandotari
4	Mukadimah Zina	12	3 sebatan	Tidak lebih

Sumber: Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, No.2/1985 (EKJSK 1985).

¹³ <http://upknkelantan.com/kajian-terperinci-sebat-di-tempat-terbuka>. <http://www.parti-pas.org/mpadun-kelantan/7851-kelantan-kaji-sebat-pesalah-syariah-di-khalayak-ramai>, dirujuk pada 28 Mac 2016.

¹⁴ Mesyuarat Bil. 1/2016 Jawatankuasa Teknikal Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan.

Hukuman sebanyak enam sebatan syarie bagi tiga kesalahan di atas adalah mandotari bagi dua keadaan iaitu pesalah wajib dikenakan sebatan dan jumlah sebatan wajib seperti yang diperuntukkan tanpa boleh dikurangkan walaupun satu sebatan. Hakim syarie tidak mempunyai pilihan. Dengan maksud, pesalah bagi kesalahan tersebut tidak dapat mengelakkan daripada hukuman sebatan syarie dengan jumlah yang telah diperuntukkan. Manakala bagi hukuman denda atau penjara, Hakim Syarie mempunyai pilihan sama ada mengenakan salah satu atau kedua-keduanya sekali, termasuk mengurangkan tempoh atau kadar ringgit daripada kadar maksimum yang diperuntukkan.

Manakala bagi kesalahan mukadimah zina, hukuman sebatan syarie adalah mandotari, tetapi hakim syarie masih diberikan ruang untuk menentukan jumlah sebatan syarie dalam keputusan penghakimannya dengan syarat tidak melebihi daripada tiga sebatan syarie.

Bagi melaksanakan hukuman sebatan syarie, Keadah-Keadah Sebatan 1987 dikuatkuasakan sebagai garis panduan kepada pelaksanaan sebatan syarie, termasuklah penyataan secara khusus tempat bagi melaksanakan hukuman sebat dalam kaedah 3:

Apabila seseorang pesalah dihukum sebat maka hukuman itu hendaklah dijalankan di tempat dan masa seperti yang diarahkan oleh Mahkamah.

Pada tahun 2002, pindaan terhadap Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985 telah memasukkan keperluan tempat bagi hukuman sebatan syarie dalam seksyen 125 (C) yang memperuntukkan:

Hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu.

Berdasarkan peruntukan di atas adalah jelas bahawa kuasa menetapkan tempat sebatan yang munasabah diperturunkan kepada mahkamah Syariah Negeri Kelantan atau Kerajaan Negeri Kelantan. Seksyen 125(c) tersebut tidak mengikat secara tegar bahawa hukuman sebatan syarie wajib dilaksanakan dalam penjara sahaja, sebaliknya memberi ruang kepada tempat yang munasabah dan sesuai.

Dato' Sri Paduka Raja Haji Daud b. Muhammad, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan¹⁵ menegaskan bahawa maksud di mana-mana tempat itu jelas sesuai dengan prinsip syarak, asalkan pada pandangan hakim Syarie dan Kerajaan Negeri Kelantan sesuai dan munasabah. Namun daripada sudut pelaksanaan hukuman sebatan syarie perlu mengambil kira prinsip *siyāsah shar'iyyah*. Pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah menghalusi pelaksanaan sebatan ini sejak daripada awal lagi dengan mengambil kira pandangan pakar-pakar yang berkenaan bahawa dinasihat hukuman sebatan dilaksanakan di dalam penjara kerana dua sebab berikut:

- (i) Kemudahan di penjara telah lengkap, yang melancarkan proses pengurusan dan pentadbiran kerana melibatkan banyak pihak.
- (ii) Isu keselamatan dan keamanan yang melibatkan banyak pihak yang jika tidak ditadbir dengan sempurna akan membuka fitnah, terutama masyarakat yang belum memahami secara mendalam sebatan syarie.

Beliau juga menyatakan bahawa sehingga kini pihak Kerajaan Kelantan tidak menetapkan secara rasmi tempat-tempat yang sesuai bagi pelaksanaan hukuman sebatan syarie selain daripada penjara seperti amalan sebelumnya. Namun, mutakhir ini pihak Kerajaan Kelantan menzahirkan hasrat untuk melaksanakannya di tempat awam seperti di perkaranan masjid dan pasar, tetapi belum diputuskan secara rasmi.

Menurut rekod Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, bermula tahun 1987 hingga tahun 2008, sebanyak sepuluh (10) kes hukuman sebat syarie telah dilaksanakan melibatkan 13 orang pesalah seperti jadual di bawah:¹⁶

Jadual 2: Kes Hukuman Sebat Syarie Melibatkan 13 Orang Pesalah Tahun 1987 hingga 2008.

Bil	Kesalahan	Sek.	Bil. Pesalah	Jumlah Sebatan	Tempat
1	Minuman yang memabukkan	25 (1)	9 orang	6 sebatan setiap	Penjara Pengkalan

¹⁵ Temuramah: 17 Oktober 2019, Jam 8.00 pagi, Pejabat Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan, Kompleks Mahkamah Syariah, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu.

¹⁶ Rekod yang dikeluarkan oleh YBhg Mohd Hafiz b. Daud, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Negeri Kelantan. Temuramah pada 17 Oktober 2019, jam 8.54 pagi di Pejabat Ketua Pendaftar Syariah Negeri Kelantan, Kompleks Mahkamah Syariah, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan.

				seorang	Chepa
2	Mukadimah Zina	12	4 orang	3 sebatan setiap seorang	Penjara Pengkalan Chepa

Sumber: Rekod Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, Tahun 1987 hingga 2008.

Berdasarkan rekod di atas, dalam tempoh 31 tahun, hanya dua kesalahan sahaja yang dijatuhkan hukuman sebatan syarie, iaitu minuman yang memabukkan dan mukadimah zina. Kedua-dua kesalahan tersebut dijatuhkan hukuman sebat secara maksimum. Namun, perlu diperhatikan di sini bahawa kesemua 13 pesalah tersebut disebat di dalam penjara.

Sudah lebih 10 tahun, sejak tahun 2008 hingga kini tiada kesalahan jenayah syariah yang membabitkan kesalahan yang dikenakan hukuman sebat disabitkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Kelantan.¹⁷

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian soal selidik ini adalah khusus di negeri Kelantan bermula pada akhir tahun 2017 dan selesai pada awal tahun 2018. Semua pihak yang berkenaan memberikan kerjasama jitu. Ini memberikan petunjuk yang jelas bahawa masyarakat negeri Kelantan mengambil perhatian dalam isu pelaksanaan hukuman sebatan syarie di tempat terbuka. Kerjasama masyarakat ini kemungkinan besar disokong oleh faktor media yang merancakkan isu ini berikutan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan hukuman sebatan syarie di tempat awam dan juga ditambah dengan polemik pelaksanaan hudud dan qisas yang terus berpanjangan.

Skop kajian memfokuskan tahap penerimaan masyarakat negeri Kelantan terhadap hukuman sebat di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan yang boleh dikenakan ke atas umat Islam sahaja.

LOKASI PERSAMPELAN

Kajian soal selidik ini melibatkan 1500 borang dan diskopkan kepada tiga daerah yang mewakili dua belas daerah yang terdapat di negeri Kelantan

¹⁷ Temuramah bersama Encik Samsudin b. Ismail, Penolong Pendaftar Kanan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan pada 20 Oktober 2019, jam 9.00 pagi di pejabat beliau di Kompleks Mahkamah Syariah, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan.

yang menepati (25%) lokasi kajian. Pusat bandar diwakili oleh bandar Kota Bharu, pinggir bandar diwakili oleh bandar Machang dan luar bandar diwakili oleh bandar Jeli.

Pengkaji memilih kaedah Kerangka Persampelan Rawak Berlapis dan Sistematik¹⁸ dengan populasi dipilih berdasarkan nisbah sampel yang ketiga. Bagi memberikan peluang yang sama kepada semua populasi, penyelidik memilih Pensampelan Rawak Berlapis. Setiap daerah daripada tiga daerah tersebut ditetapkan jumlah sampel sebanyak 500 sampel berdasarkan kaedah Roscoe yang menyatakan bahawa ukuran sampel lebih dari 30 dan kurang dari 500 adalah tepat untuk kebanyakan penelitian.

Persampelan rawak berlapis digunakan kerana penyelidik ingin memastikan bahawa subkumpulan di setiap daerah terpilih mengikut kadar yang telah ditetapkan dan juga populasi di setiap daerah adalah tidak seragam sama ada mengikut jumlah penduduk atau pun bangsa.

Hasil daripada gabungan Pensampelan Rawak Berlapis dan Sistematik serta kaedah Roscoe, sebanyak 500 sampel ditetapkan bagi setiap daerah yang dipecahkan kepada dua lokasi bagi mendapatkan maklumat responden lebih adil dan luas. Dua lokasi tersebut ialah:

- (i) Lokasi terbuka kepada orang awam sebanyak 350 sampel (70%) meliputi pasar, pasaraya, stesen kenderaan awam, masjid, surau, taman rekreasi, bank, pejabat pos dan pejabat tanah.
- (ii) Lokasi terbuka kepada orang tertentu sahaja meliputi pejabat, kilang dan kolej sebanyak 150 sampel (30%).

Oleh kerana keadah penyampaian borang soal selidik dijalankan secara langsung dengan responden, maka 1500 borang soal selidik berjaya dikembalikan dan data-data kemudian dikumpul dan dianalisa dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 18.

¹⁸ Noraini Idris (2010), *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, h. 117 & 119, Mc Graw Hill Education, Kuala Lumpur.

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Ujian kebolehpercayaan borang soal selidik dijalankan melalui kajian rintis kali pertama menggunakan Skala Likert 5 aras iaitu “Sangat tidak setuju”, “Tidak setuju”, “Tidak pasti”, “Setuju” dan “Sangat setuju”. Hasil daripada ujian ini mendapati nilai *cronbach alpha* yang diperolehi oleh pengkaji ialah 0.782. Akan tetapi pengkaji beranggapan keputusan tersebut masih lemah dan tidak memuaskan.

Setelah mengenal pasti beberapa kelemahan pada borang kaji selidik tersebut, pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk kali kedua dengan menggunakan Skala Likert 3 aras, iaitu “Tidak setuju”, “Tidak pasti” dan “Setuju”. Hasil daripada ujian kali kedua mendapati nilai *cronbach alpha* yang diperolehi ialah 0.827. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh oleh pengkaji adalah baik berdasarkan Borg yang menyatakan nilai 0.6 atau lebih adalah diterima. Bahkan Palant juga menerima nilai sekecil 0.6 bagi instrumen yang baru dibina. Keputusan ini boleh dipertanggungjawabkan menyebabkan borang kaji selidik kali kedua itu diedarkan kepada responden sebenar.

DEMOGRAFI

Tahap umur responden dipecahkan kepada lima tahap. Kajian mendapati responden yang berumur antara 16-20 tahun ialah sebanyak 6.8% (102 orang), umur antara 21-25 tahun ialah sebanyak 27.3% (410 orang), umur antara 26-40 tahun sebanyak 33.9% (508 orang), umur antara 41-55 tahun sebanyak 21.5% (322 orang) dan yang berumur 56 tahun dan ke atas pula ialah sebanyak 10.5% (158 orang). Dengan bilangan N=1,500, min bagi demografi umur ialah 3.01 dan sisihan piawai 1.08, iaitu nilai yang diperolehi adalah kecil yang menunjukkan serakan skor dalam taburan data adalah kecil.

Responden yang berketurunan Melayu sebanyak 92.3% (1385 orang), berketurunan Cina sebanyak 4.9% (73 orang), berketurunan India sebanyak 2.1% (32 orang) dan lain-lain keturunan sebanyak 0.7% (10 orang). Dengan bilangan N 1,500, min bagi demografi keturunan ialah 1.11 dan sisihan piawai 0.42 yang bermakna serakan skor dalam taburan data adalah kecil.

Manakala responden yang beragama Islam sebanyak 92.3% (1385 orang), beragama Buddha sebanyak 2.0% (30 orang), beragama Hindu sebanyak 2.9% (44 orang) dan yang beragama Kristian sebanyak 2.7% (41

orang). Dengan bilangan N 1,500, min bagi demografi Agama ialah 1.15 dan sisihan piawai 0.57, memaparkan nilai serakan skor dalam taburan data adalah kecil.

RUMUSAN LAPORAN SOAL SELIDIK

Pada asasnya terdapat tujuh soalan demografi dan sebelas soalan teras kajian berkaitan persepsi penerimaan masyarakat terhadap hukuman syarie di tempat terbuka di negeri Kelantan. Bagi memudahkan perumusan kajian, penulis memecahkan kepada tiga subtajuk:

Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Sebatan Syarie

Persoalan pertama kajian menyentuh pengetahuan asas terhadap kaedah hukuman sebatan syarie yang mensyariatkan ke atas kesalahan hudud dan takzir wajib dijalankan di suatu tempat yang membolehkan sekumpulan orang-orang beriman menyaksikannya. Kajian mendapati 79% responden bersetuju bahawa agama Islam membolehkan hukuman sebatan syarie dilaksanakan secara terbuka di tempat awam terhadap kesalahan-kesalahan tertentu seperti kesalahan zina dan minum arak. Hanya 7.3% responden tidak setuju dan 13.7% responden memilih tidak pasti.

Dapatkan kajian yang mencatatkan hampir 80% sebatan syarie sesuai dan boleh dilaksanakan di tempat awam mengisyaratkan majoriti masyarakat Kelantan memahami kaedah dan objektif hukuman sebatan syarie dan tidak menjadi suatu isu terhadap ketetapan syarak bahawa disebat di tempat yang terbuka.

Isu yang kedua dan ketiga berkaitan kajian perbandingan antara kekuatan pukulan sebat antara sebatan syarie dengan sebatan sivil dan kesannya kepada tahap kecederaan atau kesakitan bagi dijadikan asas pengukuran kajian terhadap penerimaan atau penolakan masyarakat berkaitan isu ini adalah tepat dan tidak bias. Di samping itu, mengukur tahap pengetahuan masyarakat berkaitan hukuman sebat.

Dapatkan kajian memaparkan 70.1% responden bersetuju tahap kekuatan sebatan syarie adalah lebih ringan dan tidak mencederakan pesalah yang disebat. Namun 6.2%, responden mengatakan tidak setuju, dan tidak pasti sebanyak 23.7%.

Dalam pada itu, 82.5% responden mengakui kekuatan pukulan sebatan sivil adalah lebih kuat, menyakitkan dan mampu mencederakan

pesalah yang disebat, 12.1% memilih tidak bersetuju, manakala 5.4% responden tidak pasti sejauh mana kecederaan yang dialami oleh pesalah tersebut.

Dapatkan perbandingan antara kesakitan atau kecederaan sebatan syarie dengan sebatan sivil mengisyaratkan terdapat perbezaan sebanyak 12.4%. Tahap pengetahuan responden terhadap sebatan sivil lebih tinggi berbanding sebatan syarie disebabkan kesalahan-kesalahan jenayah sivil yang diperuntukkan sebatan lebih banyak seperti kesalahan rogol dan samun¹⁹ dan telah lama dipraktikkan serta tersebar kepada masyarakat. Kekurangan pengetahuan responden terhadap tahap sebatan syarie diperkuuhkan dengan 23.7% responden memilih tidak pasti, berbanding hanya 5.4% sahaja bagi sebatan sivil.

Kajian ini menyedari hakikat bahawa kebanyakan masyarakat tidak pernah menonton sebatan sivil dan sebatan syarie secara langsung, kecuali melalui kemudahan internet atau demonstrasi oleh pihak penjara di tempat tertentu. Justeru catatan sebanyak 24% ketidakpastian ini tidak menghairankan kerana kemungkinan berpunca daripada tahap pengetahuan masyarakat mengenai hal ini sangat terbatas disebabkan hukuman sebatan di Malaysia dijalankan di dalam penjara yang tertutup dari masyarakat umum. Kemungkinan juga mereka pernah menonton sebatan sivil, tetapi tidak pernah melihat sebatan syarie secara langsung menyebabkan mereka sukar membuat perbandingan lalu memilih tidak pasti.

Walau bagaimanapun disimpulkan bahawa 70% masyarakat sedar bahawa tahap pukulan bagi sebatan syarie lebih ringan dan 80% masyarakat percaya bahawa sebatan syarie tidak mencederakan pesalah.

Kesediaan Masyarakat Terhadap Hukuman Sebatan Syarie di Tempat Terbuka

Persoalan keempat berkaitan penerimaan masyarakat terhadap hukuman sebatan syarie dijalankan di tempat terbuka kepada awam seperti perkarangan masjid atau pasar. Sebanyak 68% responden bersetuju sebatan syariah ke atas pesalah yang beragama Islam dilaksanakan di tempat awam. Hanya 8.3% responden yang tidak bersetuju, manakala tidak pasti sebanyak 23.7%,

¹⁹ Hukuman sebatan kesalahan rogol, Seksyen 376(3), Kanun Keseksaan, hukuman sebatan kesalahan samun seksyen 392 Kanun Keseksaan.

Dapatkan kajian berkaitan persoalan keempat ini menyaksikan trend ketidakpastian sebanyak 24% berkait rapat dengan persoalan kedua mengenai adakah sebatan syarie mencederakan atau sebaliknya. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat mengenai sebatan syarie masih rendah, sekali gus akan mempengaruhi secara langsung kesediaan mereka menerima pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka.

Namun, 24% sikap tidak pasti responden ini tidak boleh menjadi penghalang mutlak kepada kerajaan negeri Kelantan untuk meneruskan hasrat sebatan syarie di tempat terbuka. Ini disebabkan banyak lagi faktor yang menyokong, antaranya dapatan 80% menyakini sebatan syarie di tempat terbuka disyariatkan dalam Islam dan mereka mempercayai sebatan syarie tidak mencederakan. Apa yang jelas ialah ia suatu isyarat yang jelas bahawa masyarakat mengambil sikap tunggu dan lihat. Justeru, Kerajaan Negeri Kelantan perlu mengambil sikap serius dan memastikan pelaksanaan hukuman sebatan syarie di tempat terbuka lancar, tersusun dan menepati semua prosedur berkaitan, sekali gus memurnikan kesangsian segelintir masyarakat.

Kesesuaian Kaum Wanita Disebat di Tempat Terbuka

Persoalan seterusnya ialah adakah kaum wanita sesuai dan diterima oleh masyarakat untuk disebat di khalayak, sedangkan dalam sistem perundangan sivil di Malaysia hukuman sebat dikhuluskan kepada lelaki sahaja.²⁰ Hal ini tentunya menjadi isu bagi sesetengah masyarakat yang cenderung kepada perundangan sivil.

Kajian mendapati sebanyak 84.6% responden bersetuju hukuman sebatan syarie dikenakan ke atas pesalah lelaki dan juga perempuan, 7.5% responden tidak bersetuju dan 7.9% responden tidak pasti.

Kemungkinan responden yang tidak bersetuju ini terkesan dengan amalan sebat sebelum ini yang dilaksanakan di dalam penjara atau terpengaruh dengan sistem perundangan sivil. Peratusan yang tidak bersetuju ini kecil berbanding dengan hampir 85% menyokong yang memberikan kepercayaan untuk dilaksanakan ke atas lelaki dan wanita tanpa perbezaan jantina.

²⁰ Akta Penjara, Peraturan-Peraturan Penjara 2002, Peraturan 131(2) yang menyatakan; “sesuatu hukuman sebat tidak boleh dikenakan kepada banduan wanita dan banduan lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun”.

Kesan Hukuman Sebatan Syarie Di Tempat Terbuka Terhadap Orang Bukan Islam

Isu yang konkret juga untuk dikaji ialah sejauh mana kesan negatif akan lahir daripada pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka kepada orang-orang bukan Islam, terutama terhadap ekonomi mereka. Walaupun sebatan syarie dikenakan ke atas orang Islam sahaja, tetapi kesan sampingan terhadap orang bukan Islam tidak boleh diketepikan dalam memelihara kemajmukan agama dan bangsa di negara ini.

Agak mengejutkan dapatan kajian mencatatkan hanya 8% responden bersetuju pelaksanaan sebatan syariah ke atas orang Islam di tempat terbuka boleh menjelaskan kepentingan orang bukan Islam di Kelantan. Manakala 76% responden tidak bersetuju pelaksanaannya akan menjelaskan kepentingan bukan Islam dan 16% responden memilih tidak pasti.

Dalam pada itu, sebanyak 82.5% responden tidak bersetuju orang bukan Islam boleh campurtangan dalam pelaksanaan sebatan syarie secara terbuka ke atas orang Islam di Kelantan. Sebanyak 6.6% responden bersetuju bukan Islam campur tangan dan sebanyak 10.9% responden tidak pasti.

Dapatan ini menunjukkan majoriti masyarakat Kelantan percaya bahawa sebatan syarie di tempat terbuka tidak akan menjelaskan secara langsung kehidupan sosial dan ekonomi mereka. Masyarakat negeri Kelantan umumnya menzahirkan sikap saling menghormati hak-hak seperti yang diperuntukkan oleh agama dan undang-undang di negara ini. Sokongan ini mungkin diperteguh dengan kesejahteraan negeri Kelantan, terutama di bawah pemerintahan PAS sejak 1990 yang terbukti tidak mendiskriminasi mana-mana kaum atau agama seperti yang disalahfahami oleh pihak-pihak tertentu.

Keberkesanan dan Hasrat Masyarakat Kepada Kerajaan Negeri Kelantan

Isu yang dikaji juga menyentuh keberkesanan sebatan syarie di tempat terbuka antara satu langkah yang berkesan menangani penularan jenayah. Data kajian menunjukkan bahawa 89.2% bersetuju sebatan syarie secara terbuka adalah langkah yang sesuai pada masa ini untuk mencegah merebaknya jenayah. Responden tidak setuju sebanyak 7.7%, manakala 3.1% responden memilih tidak pasti.

Kenyataan ini menafikan andaian-andaian bahawa sebatan di tempat terbuka tidak sesuai dengan kehidupan zaman moden atau penyebab yang boleh mencetuskan sesuatu yang negatif kepada kestabilan politik, kepesatan ekonomi dan kemakmuran sosial di Negeri. Kepercayaan yang tinggi responden bahawa jenayah berjaya disekat dengan pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka juga berkemungkinan daripada kegagalan hukuman sebat yang diamalkan di dalam penjara selama ini tidak berkesan nyata dan efektif membendung jenayah secara menyeluruh. Justeru, masyarakat bersedia menerima alternatif baru kepada kaedah hukuman sebatan syarie di tempat terbuka.

Persoalan diajukan juga pandangan masyarakat berhubung sikap mereka kepada Mahkamah Syariah Negeri Kelantan adakah wajar menjatuhkan hukuman sebatan syarie secara terbuka pada masa ini. Peratus bagi responden yang mengatakan tidak setuju sebanyak 14.2%, tidak pasti sebanyak 22%, manakala yang setuju sebanyak 63.8%.

Dalam pada itu, 54.4% menegaskan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan sebatan syarie di tempat terbuka adalah kurang tepat dengan suasana pada masa ini adalah tidak benar. Ini kerana hanya 15.6% sahaja menyatakan langkah Kerajaan Negeri Kelantan itu kurang tepat dengan situasi sekarang. Manakala 30% menyatakan tidak pasti ketepatan tindakan kerajaan Kelantan tersebut.

Sebanyak 77.9% responden bersetuju bahawa pihak Kerajaan Negeri Kelantan perlu meneruskan pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka dalam apa jua keadaan sekalipun. Tetapi 5.1% responden tidak setuju dan responden yang tidak pasti sebanyak 17.9%. Maka dapatkan kajian di atas memberikan penunjukan bahawa Mahkamah Syariah dan Kerajaan Negeri Kelantan memiliki faktor-faktor yang cukup kuat dalam menyokong pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka bagi memperkasakan pelaksanaan undang-undang syariah, sekali gus menjadi suatu langkah yang dipercayai mampu membendung jenayah. Kerajaan Negeri Kelantan perlu berani untuk meneruskan hasrat tersebut walaupun mungkin terdapat halangan dalaman dan luaran. Manakala sikap ragu-ragu atau tidak pasti segelintir masyarakat Kelantan akan terhakis tatkala terzahir keadilan dan keindahan hukuman sebatan syarie.

Rumusan Perkaitan Demografi dengan Penerimaan Masyarakat

Ujian Kruskal Wallis digunakan bagi mengukur perkaitan penerimaan dengan signifikan demografi. Hasil daripada keputusan ini terdapat perbezaan yang signifikan di antara umur dengan tahap penerimaan

masyarakat Negeri Kelantan terhadap pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka di negeri Kelantan. Kumpulan umur responden yang tertinggi bersetuju ialah responden yang berumur 56 tahun ke atas (*mean ranks* 1057.09), diikuti yang berumur 41-55 tahun (*mean ranks* 875.60), berumur 21-25 tahun (*mean ranks* 694.60), berumur 26-40 tahun (*mean ranks* 685.12). Paling rendah ialah kumpulan umur responden yang berumur 16-20 tahun (*mean ranks* 430.98). Secara umumnya tahap umur dewasa 41 tahun ke atas menyokong sebatan syarie di tempat terbuka, manakala golongan remaja menunjukkan sikap sebaliknya.

Dapatkan juga menunjukkan bahawa kumpulan dari aliran agama lebih ramai bersetuju dan menyokong dengan jumlah *mean rank* 924.97 berbanding kumpulan aliran akademik dengan *mean rank* 679.47. Perbezaan ini menjelaskan tahap penerimaan berkait rapat dengan ilmu dan kefahaman.

Kumpulan perkerjaan responden yang mempunyai *mean ranks* yang paling tinggi ialah responden yang tidak berkerja (*mean ranks* 1025.93), diikuti yang berkerja sendiri (*mean ranks* 807.71), masih belajar (*mean ranks* 778.37), berkerja swasta (*mean ranks* 714.57), berkerja dengan Kerajaan Negeri Kelantan (*mean ranks* 626.81), manakala kumpulan perkerjaan yang mempunyai *mean ranks* yang terendah ialah yang berkerja dengan Kerajaan Persekutuan (*mean ranks* 470.12).

Kumpulan akademik tertinggi responden bersetuju dengan kajian yang mempunyai *mean ranks* yang paling tinggi ialah dari lain-lain taraf akademik (*mean ranks* 1375.98), diikuti taraf akademik sehingga doktor falsafah (*mean ranks* 1093.67), taraf akademik sehingga sarjana muda (*mean ranks* 823.46), taraf akademik sehingga diploma (*mean ranks* 802.31), taraf akademik sehingga sarjana (*mean ranks* 683.96), taraf akademik sehingga SPM (*mean ranks* 566.24), manakala kumpulan STPM mempunyai *mean ranks* yang paling rendah (*mean ranks* 528.78).

Agama Kristian menjadi kumpulan agama responden yang paling banyak bersetuju dengan soalan kajian (*mean ranks* 1138.20), diikuti yang beragama Islam (*mean ranks* 744.41), yang beragama Hindu (*mean ranks* 686.53), manakala kumpulan agama responden yang paling sedikit bersetuju dengan soalan kajian adalah yang beragama Buddha (*mean ranks* 595.58).

Bangsa India menjadi keturunan responden yang tertinggi bersetuju dengan soalan kajian (*mean ranks* 1396.15), diikuti

berketurunan Melayu (*mean ranks* 742.76), manakala kumpulan keturunan terendah ialah yang berketurunan China (*mean ranks* 691.92).

Data di atas menunjukkan bahawa bangsa India dan Cina yang mewakili bangsa bukan melayu dan juga agama Budha dan Kristian menerima dan menyokong secara positif pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka di negeri Kelantan. Kenyataan ini satu keunikan dan keistimewaan bagi kemajmukan bangsa dan agama di negeri Kelantan yang sejak berzaman.

KESIMPULAN

Kerajaan Negeri Kelantan memiliki sebab yang kukuh untuk merealisasikan hukuman sebatan syarie di tempat terbuka kepada awam, bukan terhad di dalam penjara sahaja demi memperkasa objektif hukuman syariah yang disyariatkan untuk memelihara kesejahteraan umum.

Secara umumnya hasrat Kerajaan Negeri Kelantan tersebut adalah tepat dengan masa dan keperluan masyarakat Kelantan. Sokongan umat Islam di negeri Kelantan yang konkret dan diperkuuhkan sokongan orang bukan Islam yang menzahirkan sikap keterbukaan mereka untuk memberikan laluan kepada orang Islam melaksanakan perintah agama Islam sangatlah memberangsangkan.

Dalam keadaan yang sama, mereka percaya pelaksanaan sebatan syarie di tempat terbuka tidak akan menjelaskan sumber ekonomi orang bukan Islam atau menganggu kesejahteraan yang sedia ada.

Golongan dewasa berumur 41 tahun ke atas, aliran pendidikan agama serta golongan pendidikan pertengahan dan berkerja sendiri seharusnya dijadikan tulang belakang utama yang menyokong hasrat ini. Di samping itu, golongan belia dan remaja serta kakitangan kerajaan Persekutuan perlu diberikan kefahaman mendalam dan didekati secara berhikmat agar keyakinan mereka bertambah mantap.

Apa yang lebih penting sekarang adalah persediaan yang secukupnya di pihak pelaksana khususnya pihak pentadbiran di negeri Kelantan yang bertangungjawab secara langsung dalam hal ini seperti mahkamah Syariah, Kerajaan Negeri Kelantan, Kementerian Kesihatan dan penjara. Ini kerana satu pertiga masyarakat memilih tunggu dan lihat keadilan hukuman ini yang pasti akan mempengaruhi secara langung masa depan kepada hukuman sebatan syarie ini.

BIBLIOGRAFI

Statut

- Akta Penjara, Peraturan-Peraturan Penjara 2002.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah, No.2/1985.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Kelantan, 1985, Pindaan 2002.
- Kanun Keseksaan (Akta 574)
- Kanun Jenayah Syariah II, (1993) 2015.
- Kaedah-Kaedah Sebatan Negeri Kelantan, 1987

Buku

- ‘Abd al-Qādir ‘Awdah (t.t), *al-Tashrī’ al-Jinā’i al-Islāmi Muqaranan bi al-Qānūn al-Wad’i*, j. 2, al-Qāhirah: Dār al-Fikr.
- Anwarullah (Prof. Dr.) (2002), *The Criminal Law Of Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar.
- Abu Bakar Abdullah (1986), *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*, Kuala Terengganu: Pustaka Damai.
- Ahmad Ibrahim (Prof. Dr.) (1990), *al-Ahkam*, Jilid, 2, Undang-Undang Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Idris (2010), *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Sayyid Sābiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, al-Qāhirah: al-Fath li al-‘Ālam al-‘Arabi.

Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwaytiyyah (1427H),
Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah, j. 24, c. 2, al-Maktabah
al-Shāmilah